

HARI : SELASA

TARIKH : 8/10/2019

M/SURAT : 1



Penerima
**Bantuan Sara
Hidup (BSH)**
miliki kenderaan
layak.

- 2.9 juta penerima BSH dapat manfaat
- Kaji lanjutkan kepada kumpulan M40



Dikredit terus
ke akaun
pengguna,
setiap empat
bulan.

KERETA RM30 MOTOSIKAL RM12



Pemilik kereta
1,600cc ke bawah
terima RM30
sebulan, pemilik
motosikal **150cc
ke bawah** terima
RM12.

Program Subsidi Petrol (PSP)
diperkenal awal tahun depan

“ Prinsip bantuan yang hendak disampaikan oleh kerajaan adalah melalui pengagihan semula subsidi yang saksama (*equitable redistribution*) dan dasar berpandukan data (*data driven policy*).”


SAIFUDDIN NASUTION ISMAIL
Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna



**Harga RON95
kekal RM2.08
hingga Disember,
diapungkan
tahun depan.**

BERITA DI MUKA 4

HARI : SELASA
 TARikh : 8/10/2019
 M/SURAT : 4



SAIFUDDIN Nasution Ismail memberi penerangan mengenai Program Subsidi Petrol dalam sidang akhbar khas di Putrajaya, semalam. - UTUSAN/RASHID MAHFUD

Bantuan subsidi tahun depan - Saifuddin

Oleh SOFIAN BAHAROM
 sofan.baharom@utusan.com.my

■ PUTRAJAYA 7 OKT.

PENERIMA Bantuan Sara Hidup (BSH) yang memiliki kenderaan akan memperoleh bantuan tunai petrol yang dikreditkan terus kepada akaun mereka bagi setiap empat bulan sekali bermula awal tahun depan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, menerusi Program Subsidi Petrol (PSP) yang dilancarkan kerajaan hari ini, penerima akan diberikan

subsidi petrol sebanyak RM30 bagi kereta dan motosikal RM12 setiap sebulan.

Menurut beliau, pihaknya menjangkakan sebanyak 2.9 juta penerima akan mendapat manfaat daripada program subsidi tersebut dan anggaran tanggungan bagi pelaksanaan tersebut adalah RM65.4 juta sebulan.

Jelasnya, program itu merupakan satu bentuk bantuan kewangan untuk membantu rakyat membayai sebahagian kos penggunaan petrol.

Saifuddin memaklumkan, beliau juga akan membawa syor kepada Kabinet supaya golongan M40 turut menikmati subsidi berkenaan pada masa akan datang.

"Prinsip bantuan yang hendak disampaikan oleh kerajaan adalah melalui pengagihan semula subsidi yang saksama (equitable redistribution) dan dasar berpandukan data (data driven policy).

"Ini berdasarkan data asas yang bersih diperoleh daripada Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan BSH," katanya dalam sidang akhbar khas di sini hari ini.

Jelas Saifuddin Nasution, para penerima juga perlu memenuhi kriteria pemilikan kenderaan yang telah ditetapkan iaitu kereta 1,600cc dan ke bawah dan kereta melebihi 1,600cc yang berumur 10 tahun dan ke atas.